

## FATWA SEBAGAI MEKANISME PENCEGAHAN PENULARAN PANDEMIK COVID-19

Abdul Manan bin Ismail<sup>i</sup>

<sup>i</sup> Profesor Madya, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.  
manan@usim.edu.my

### Abstrak

*Fatwa merupakan salah satu mekanisme penting untuk mencegah penularan pandemik seperti Covid-19. Pandemik Covid-19 yang dikesan pada penghujung tahun 2019 telah membentuk norma dan kelaziman baharu dalam kehidupan manusia. Pencegahan terhadap penularan pandemik ini menuntut kerjasama pelbagai pihak termasuk institusi fatwa. Artikel ini menganalisa kekuatan, ciri-ciri dan peranan yang ada pada sesuatu fatwa yang membolehkan ia berfungsi sebagai salah satu mekanisme pencegahan penularan pandemik Covid-19. Kaedah kualitatif melalui analisa dokumen khususnya penulisan dan fatwa para ulama menjadi asas penulisan ini. Hasil kajian mendapati bahawa fatwa sememangnya akan menjadi pemangkin dalam membantu pencegahan penularan Covid-19 jika sekiranya ia dikeluarkan dengan teliti dan cermat.*

Kata Kunci: *Fatwa, COVID-19, Pandemik, Norma, Penularan.*

### PENDAHULUAN

Masyarakat dan fatwa ibarat kembar yang tidak dapat dipisahkan. Fatwa merupakan pemberitahuan berkenaan hukum syarak dalam sesuatu isu yang ditanya oleh individu atau masyarakat (Abdul Manan Ismail: 2017). Individu dan masyarakat sentiasa memerlukan fatwa bagi memandu kehidupan mereka ke jalan yang benar dan sejahtera.

Justeru, setiap fatwa yang dikeluarkan oleh pihak yang berkeelayakan perlulah memenuhi ciri-ciri fatwa yang sepatutnya supaya ia dapat membantu menyelesaikan isu masyarakat dalam pelbagai perkara termasuklah menjadi salah satu pemangkin kepada pencegahan penularan pandemik seperti Covid-19.

### CIRI-CIRI FATWA

Terdapat banyak ciri yang perlu dipenuhi bagi memastikan fatwa yang berkualiti dapat dihasilkan. Namun demikian, artikel ini akan memberi fokus kepada empat ciri penting untuk mengupayakan

fatwa sebagai mekanisme pencegahan penularan pandemik seperti Covid-19. Ciri-ciri tersebut ialah:

### a) Mengambil Kira Maqasid Syariah

Pertimbangan sesuatu fatwa berasaskan maqasid Syariah merupakan salah satu elemen terpenting dalam memastikan fatwa selari dengan Syariat. Antara definisi maqasid Syariah ialah pelbagai tujuan yang telah ditetapkan oleh Syariat bagi merealisasikan kemaslahatan manusia (Al-Raisuni: 1992). Secara umumnya, tujuan Syariat ada lima iaitu untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Justeru, penghasilan sesuatu fatwa perlulah menghalusi tujuan-tujuan Syariat tersebut dengan menentukan keutamaan yang sepatutnya bagi kesejahteraan dan keselamatan manusia dan alam secara keseluruhannya.

### b) Wasatiyyah<sup>1</sup>

Salah satu ciri fatwa ialah wasatiyyah. Wasatiyyah dalam mengeluarkan fatwa ialah mengutamakan pengamalan prinsip kemudahan dan keringanan berbanding memilih untuk menyusahkan atau menimbulkan keresahan. Konsep ini bertepatan dengan Syariat Islam yang terbina atas asas kemudahan iaitu untuk memberi keselesaan dan keringanan serta menghindari kesukaran terhadap manusia (Falih ibn Muhammad: T.th)

Islam adalah agama yang mudah dan penuh dengan toleransi, justeru wasatiyyah dalam berfatwa terhasil dengan melaksanakan hukum-hakam Syariah secara sederhana sebagaimana yang dijelaskan dalam Quran dan Sunnah Nabi (SAW) iaitu tidak bersifat melampau dengan mengharamkan yang halal dan tidak berkecenderungan untuk menghalalkan yang haram.

Konsep ini telah jelas dinyatakan dalam Quran dan Sunah, antaranya ialah firman Allah:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya, “Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Allah tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran” (Al-Baqarah: 185).

---

<sup>1</sup> Wasatiyyah bermaksud pertengahan, kesederhanaan, keseimbangan, keadilan, kesaksamaan, dan kecemerlangan

Terdapat banyak ayat Quran dan hadis Nabi SAW yang mengandung maksud ‘memudahkan’ dalam urusan agama dan tidak melampau serta menyusahkan dalam melakukan ibadat dan ketaatan. Rasulullah (SAW) telah menunjukkan kepada kita bahawa antara perkara yang membezakan risalah Islam daripada risalah sebelumnya adalah sifat toleransi dan memudahkan sebagaimana yang dinyatakan oleh Baginda Rasulullah (SAW) dalam suatu Hadis yang diriwayatkan oleh Anas (r.a):

يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا، وَسَكِّنُوا وَلَا تُنْفِرُوا

Maksudnya, “Mudahkanlah, dan jangan menyusahkan, tenangkan dan jangan menakutkan mereka” (Al-Bukhari: 1422H).

Sirah Nabi (SAW) menunjukkan cara muamalah Baginda (SAW) ketika bersama-sama para sahabatnya berdasarkan prinsip memudahkan dan menyenangkan. Buktinya terlalu banyak sehingga tidak terkira, tetapi memadai dengan membawakan satu kisah yang berlaku kepada seorang sahabat nabi (SAW) yang datang kepada Baginda (SAW) yang mana beliau menginginkan satu penyelesaian bagi masalah yang dihadapinya, beliau yang merupakan seorang faqir dan tidak memiliki sebarang makanan untuk dimakan. Abu Hurairah (r.a) menjelaskan keadaan tersebut sebagaimana riwayat yang berikut;

بينما نحن جلوس عند النبي صلى الله عليه وسلم إذ جاءه رجل فقال: يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلَكْتُ. قَالَ: «مَا لَكَ؟» قَالَ: وَفَعْتُ عَلَى امْرَأَتِي وَأَنَا صَائِمٌ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «هَلْ بَجِدُ رَقَبَةً تُعْتِقُهَا؟» قَالَ: لَا، قَالَ: «فَهَلْ تَسْتَطِيعُ أَنْ تَصُومَ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ»، قَالَ: لَا، فَقَالَ: «فَهَلْ بَجِدُ إِطْعَامَ سِتِّينَ مِسْكِينًا». قَالَ: لَا، قَالَ: فَمَكَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَبَيْنَا نَحْنُ عَلَى ذَلِكَ أُتِيَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِعَرِقٍ فِيهَا تَمْرٌ - وَالْعَرِقُ الْمَكْتَلُ - قَالَ: «أَيْنَ السَّائِلُ؟» فَقَالَ: أَنَا، قَالَ: «خُذْهَا، فَتَصَدَّقْ بِهِ» فَقَالَ الرَّجُلُ: أَعْلَى أَفْقَرِ مَيِّ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ فَوَاللَّهِ مَا بَيْنَ لَابَتَيْهَا - يُرِيدُ الْحَرَّتَيْنِ - أَهْلُ بَيْتِ أَفْقَرِ مِنْ أَهْلِ بَيْتِي، فَضَحِكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى بَدَتْ أَنْبَاؤُهُ، ثُمَّ قَالَ: «أَطْعِمْهُ أَهْلَكَ»

Maksudnya, “Ketika kami duduk bersama Rasulullah (SAW), seorang lelaki datang kepada Baginda (SAW) dan berkata: “aku telah binasa ya Rasulullah. Sabda Baginda (SAW): “Apa yang telah terjadi kepada kamu?”, lelaki tersebut berkata: aku telah bersama isteriku (bersetubuh) ketika aku sedang berpuasa. Sabda Baginda (SAW) lagi: “Adakah kamu mendapati seorang hamba untuk dimerdekakan?” Jawab lelaki tersebut: “Tiada”, Abu Hurairah berkata: Maka Baginda (SAW) duduk, ketika kami berada dalam situasi tersebut, didatangkan kepada Baginda (SAW) satu bekas yang mengandungi tamar, Baginda (SAW) bertanya: Dimanakah orang yang bertanya tadi? Lelaki tersebut berkata: “Saya,” Baginda (SAW) bersabda: “Ambillah tamar tersebut, dan sedekahkanlah ia.” Lelaki tersebut berkata: Adakah sesiapa lagi yang lebih susah daripada saya wahai Rasulullah (SAW)? Maka demi Allah, tiada ahli keluarga yang lebih fakir daripada ahli keluargaku, maka tiba-tiba Rasulullah (SAW) ketawa sehingga menampakkan gigi taringnya, lantas Baginda (SAW) bersabda: “berikan ia kepada ahli keluargamu” (Al-Bukhari: 1422H)

### c) Menyantuni Kepelbagaian Kelompok Masyarakat

Manusia mempunyai perbezaan pemikiran, budaya, kemampuan fizikal dan tahap pegangan mereka terhadap agama. Ada dalam kalangan mereka yang kuat pegangan agamanya dan ada juga yang kurang kuat pegangannya. Justeru, para mufti perlu mengambil kira keadaan sebegini sebelum mengeluarkan sesuatu fatwa. Ia juga dinamakan sebagai *tahqiq al-manat* menurut imam al-Shatibi sebagaimana yang dinukilkan di dalam *al-muwafaqat* (al-Syatibi: 1997).

### Santunan Nabi (SAW) Terhadap *Mustafti*

Jika kita menyoroti kepada Sunnah Nabi (SAW), didapati bahawa Baginda (SAW) menyantuni para *mustafti* semasa menjawab pertanyaan mereka tentang sesuatu perkara. Nabi (SAW) pernah ditanya berkenaan isu yang sama dalam waktu yang berbeza dan jawapannya adalah berbeza-beza mengikut kesesuaian si penanya. Berikut merupakan sebahagian daripada contoh-contoh tersebut; (Al-Bukhari: 1422H) (Abu Daud: T.th)

عن أبي هريرة رضي الله عنه، قال: سئل النبي صلى الله عليه وسلم أي الأعمال أفضل؟ قال: «إيمان بالله ورسوله» قيل:

ثم ماذا؟ قال: «جهاد في سبيل الله» قيل: ثم ماذا؟ قال: «حج مبرور».

Dalam Hadis tersebut Nabi (SAW) apabila ditanya berkenaan apakah amalan yang paling baik? Jawapannya ialah beriman kepada Allah dan RasulNya seterusnya ialah jihad di jalan Allah diikuti dengan haji mabrur. Manakala dalam Hadis di bawah pula, Nabi (SAW) mendahulukan haji berbanding jihad.

ما رواه أبو وائل، أن الصُّبِّيَّ بْنَ مَعْبُدٍ كَانَ نَصْرَانِيًّا تَعَلِّبِيًّا أَعْرَابِيًّا، فَأَسْلَمَ فَسَأَلَ: أَيُّ الْأَعْمَالِ أَفْضَلُ؟ فَقِيلَ لَهُ: الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَأَرَادَ أَنْ يَجَاهِدَ فَقِيلَ لَهُ: أَحَجَجْتَ؟ فَقَالَ: لَا فَقِيلَ لَهُ: حُجَّ وَعَتَمِرْ ثُمَّ جَاهِدْ فَاَنْطَلِقْ حَتَّى إِذَا كَانَ بِالْحَوَائِطِ أَهْلًا بِمَا جَمِيعًا فَرَأَهُ زَيْدُ بْنُ صُوحَانَ وَسَلْمَانُ بْنُ رَبِيعَةَ فَقَالَا: هُوَ أَضَلُّ مِنْ جَمَلِهِ أَوْ مَا هُوَ بِأَهْدَى مِنْ نَاقَتِهِ فَاَنْطَلِقْ إِلَى عَمْرٍ فَأَخْبَرَهُ بِقَوْلِهِمَا فَقَالَ: « هُدَيْتَ لِسُنَّةِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ».

Perkara ini tidak terhenti di situ sahaja bahkan apabila Baginda (SAW) ditanya oleh orang yang berlainan tentang amalan yang terbaik, terdapat pelbagai jawapan lain seperti berikut (Abdul Manan Ismail: 2017);

- 1) Sembahyang tepat pada waktunya.
- 2) Berbuat baik kepada ibubapa.
- 3) Meninggikan suara semasa talbiah.
- 4) Mengalirkan darah binatang korban.
- 5) Mati dalam keadaan lidah basah mengingati Allah.
- 6) Sabar dan bertimbang rasa.
- 7) Kerja yang konsisten walaupun sedikit.
- 8) Menggembirakan orang mukmin.
- 9) Berkata benar di hadapan pemerintah yang zalim.
- 10) Berakhlak mulia.
- 11) Berkasih sayang kerana Allah.

Ini adalah sebahagian daripada contoh fatwa dan jawapan pelbagai yang telah dikemukakan oleh Nabi SAW sebagai respon terhadap pertanyaan masyarakat ketika itu. Ia

menunjukkan bahawa kelebihan sesuatu amalan itu tidak bersifat mutlak dan juga memberi isyarat tentang kepentingan mengambil kira keadaan serta situasi *mustafti* dalam memberikan sesuatu fatwa.

#### **d) Kecermatan Mufti**

Kegopohan dalam mengeluarkan fatwa didefinisikan sebagai tergesa-gesanya seseorang mufti sama ada yang telah sempurna kelayakannya sebagai mufti atau belum sempurna kelayakannya dalam menjelaskan sesuatu hukum Syarak dengan sengaja atau secara tidak sengaja dan membawa kepada pelanggaran hukum. Ia boleh dilihat melalui dua aspek iaitu ( Mohd Khalid Mansor: 2007);

- a) Menyerahkan urusan mengeluarkan hukum-hakam kepada golongan yang bukan ahlinya.
- b) Kurang cermatnya golongan yang berkelayakan untuk mengeluarkan hukum dalam proses memberi fatwa.

#### **Penegasan Sunnah**

Terdapat Hadis Nabi (SAW) yang memberi isyarat kepada Umat Islam agar berhati-hati dalam mengeluarkan sesuatu hukum, antaranya ialah Hadis Abdullah ibn Jaafar;

أجرؤكم على الفتيا أجرؤكم على النار

Maksudnya, “Orang yang paling berani mengeluarkan fatwa (dengan tidak melengkapinya syaratnya), adalah orang yang paling berani terhadap api neraka” (Al-Darimi: 1407H).

Berhati-hati dalam memberikan fatwa adalah sikap yang telah diambil oleh para *salafussoleh* dalam kehidupan mereka. Mereka akan mengambil pendekatan untuk mengelak daripada mengeluarkan fatwa sebagaimana riwayat berikut:

عن عبد الرحمن بن أبي ليلى أنه قال: أدركت عشرين ومائة من الأنصار من أصحاب رسول الله صلى الله عليه وسلم يسأل أحدهم عن المسألة، فيردها هذا إلى هذا، وهذا إلى هذا، حتى ترجع إلى الأول، وفي رواية: " ما منهم من أحد يحدث بحديث إلا ود أن أخاه كفاه إياه، ولا يستفتي عن شيء إلا ود أن أخاه كفاه الفتيا"

Maksudnya, “Daripada Abdul Rahman ibn Abi Laila katanya: Aku sempat bertemu lebih 120

*Sahabat Nabi SAW daripada golongan al-ansar, salah seorang daripada mereka bertanya tentang satu masalah, maka mereka saling menolak untuk menjawab sesama mereka sehingga kembali kepada yang mula bertanya', di dalam riwayat yang lain 'tidaklah salah seorang daripada mereka ingin berbicara tentang satu Hadis melainkan mereka berharap agar saudaranya yang lain telah menyempurnakan persoalan tersebut, dan apabila diminta untuk memberi fatwa, mereka berharap agar saudaranya yang lain telah menyempurnakannya” (Al-Suyuti: 1994).*

Demikian adalah sebahagian daripada sorotan lampau yang menunjukkan sikap cermat dan warak yang dimiliki oleh para *salafussoleh* dalam mendepani sebarang isu yang melibatkan hukum- hakam. Sikap sebegini menunjukkan keutuhan integriti mereka demi memelihara diri dari terjerumus dalam kesilapan semasa memberikan sesuatu hukum atau fatwa sekaligus ia menjadi prasyarat untuk membina fatwa yang mampu berfungsi untuk menyatukan masyarakat.

### **SIGNIFIKAN FATWA TERHADAP PENCEGAHAN COVID-19**

Fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan di segenap pelusuk dunia secara umumnya menyokong pandangan yang dikemukakan oleh para pakar perubatan dan kesihatan yang selari dengan prinsip maqasid Syariah. Berikut beberapa petikan fatwa berkaitan pandemik Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh beberapa badan fatwa atau pihak berkaitan agama;

#### **Fatwa *Hai’at Kibar al-Ulama’ bi al-Azhar al-Syarif***

- ‘Harus menurut Syarak untuk pihak kerajaan menghentikan solat Jumaat atau solat Jemaah bagi sementara waktu sekiranya terdapat kebimbangan merebaknya virus dengan perhimpunan tersebut’.
- ‘Semua warga penduduk wajib mematuhi arahan dan panduan yang dikeluarkan oleh pihak bertanggungjawab terhadap kesihatan bagi mengekang penularan virus’.

Antara alasan yang dikemukakan bagi pengharusan ini ialah kesihatan tubuh badan dianggap sebagai salah satu maqasid yang besar dalam Syariat Islam. (<https://ajel.sa/tX4gwQ/>: 2020)

#### **Fatwa *Hay’at Kibar al-Ulama’ bi al-Sa’udiyah***

- Harus menurut Syarak untuk menghentikan solat Jumaat dan solat Jemaah bagi solat fardu di masjid dan memadai dengan melaungkan azan. Dikecualikan daripada yang demikian bagi dua masjid haram yang mulia. (<https://www.youtube.com/watch?v=sTJXZ4X1uqk>: 2020)
- Wajib ke atas setiap individu yang diarahkan oleh pihak autoriti untuk mematuhi arahan kuarantin yang telah dikenakan, individu berkenaan juga tidak dibenarkan untuk hadir solat Jemaah dan solat jumaat di masjid. (<https://www.alwatanvoice.com/arabic/news/2020/03/12/1321594.html>: 2020)

Badan fatwa ini juga menyeru orang ramai supaya mematuhi arahan dan prosedur yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa bagi mengekang penularan pandemik Covid-19.

#### **Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia<sup>2</sup>**

- ‘Semua aktiviti di masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah ditangguhkan bermula 17- 26 Mac 2020. Jawatankuasa masjid dan surau disarankan untuk membuat operasi pembersihan dan penyahkuman sebagai langkah keselamatan mengelakkan jangkitan. Tempoh sepuluh (10) hari berkenaan adalah tertakluk kepada nasihat dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)’.
- ‘Sekiranya berlaku kematian akibat COVID-19, pengurusan jenazah hendaklah dilaksanakan mengikut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-107 yang bersidang pada 10-11 Februari 2015 mengenai hukum Pengurusan Jenazah Orang Islam yang Disyaki atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (Ebola Virus Disease: EVD) di Malaysia. Kelonggaran diberikan sekiranya ada kemungkinan wujud kemudahan kepada nyawa manusia yang menguruskan jenazah. Jenazah boleh diuruskan melalui prosedur tayammum di atas permukaan beg jenazah atau pembalut plastik yang membalut jenazah tersebut’. (<http://www.islam.gov.my/media-jakim/kenyataan-media/2373-kenyataan-media-menteri-di-jabatan-perdana-menteri-hal-ehwal-agama-berkaitan-penanggulangan-semua-aktiviti-keagamaan-di-masjid-dan-sarau-serta-panduan-pengurusan-jenazah-mangsa-covid-19>: 2020)

---

<sup>2</sup> Pelaksanaan perihal tersebut diserahkan kepada pertimbangan pihak berkuasa agama di setiap negeri.



Semua fatwa yang telah dikeluarkan tersebut selari dengan perintah kawalan pergerakan (<http://www.moh.gov.my/moh/resources>), yang antara lain intipatinya adalah bertujuan untuk mewujudkan penjarakan sosial bagi memutuskan rantai pandemik Covid-19. <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/prevent-getting-sick/socialdistancing.html> dan ia amat bertepatan dengan saranan World Health Organization (WHO) <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/advice-for-public>.

Fatwa tersebut juga telah mengambil kira maqasid Syariah dan memiliki ciri wasatiyyah yang mengutamakan pengamalan prinsip kemudahan dan keringanan berbanding memilih untuk menyusahkan atau menimbulkan keresahan dalam kalangan masyarakat.

### **Peranan Fatwa Sebagai Mekanisme Pencegahan**

Fatwa yang melengkapinya ciri-ciri yang telah dinyatakan sebelum ini akan berfungsi dengan baik bagi menjadi salah satu mekanisme dalam pencegahan penularan pandemik Covid-19. Jika sesuatu fatwa mengambil kira maqasid Syariah seperti pemeliharaan nyawa, secara tidak langsung ia akan mempertimbangkan segala aspek perubahan dan keselamatan demi menjamin kesejahteraan masyarakat daripada ancaman wabak Covid-19.

Kekuatan ciri wasatiyyah dalam sesuatu fatwa pula akan menyerlahkan Islam sebagai cara kehidupan yang mudah, sederhana dan penuh dengan toleransi. Fatwa yang membenarkan penangguhan solat jumaat semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) umpamanya adalah salah satu manifestasi ciri wasatiyyah yang membantu dalam pencegahan pandemik Covid-19.

Salah satu ciri terpenting fatwa juga ialah menyantuni pelbagai kelompok masyarakat. Dalam isu Covid-19, terzahir kepentingan ciri ini apabila terdapat fatwa yang melarang kepada golongan tertentu untuk hadir ke masjid semasa wabak ini berlaku antaranya ialah fatwa Majlis Fatwa Syar'i, Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang memberikan keringanan untuk tidak hadir solat berjemaah, solat Jumaat, solat Hari Raya dan solat Tarawih bagi golongan warga emas, kanak-kanak, penghidap penyakit berkaitan saluran penafasan dan penyakit antibodi lemah. Golongan ini perlu menunaikan solat di rumah mereka atau di tempat mereka berada. Mereka juga perlu mendirikan solat Zohor bagi menggantikan solat Jumaat.

Semua tiga ciri yang telah dinyatakan iaitu mengambil kira maqasid Syariah, wasatiyyah dan menyantuni pelbagai kelompok masyarakat akan sempurna dengan satu lagi ciri fatwa yang perlu dipatuhi iaitu kecermatan mufti. Ciri terakhir inilah yang akan menentukan bahawa setiap fatwa yang akan dikeluarkan mematuhi segala syarat yang telah ditetapkan. Justeru, ia adalah kunci yang akan menjamin setiap fatwa berkaitan Covid-19 akan menjadi mekanisma terbaik dalam pencegahan terhadap penularan pandemik ini.

## PENUTUP

Jika fatwa dikeluarkan secara teliti dan cermat serta memiliki ciri wasatiyyah, mengambil kira maqasid Syariah dan menyantuni kepelbagaian kelompok masyarakat, ia akan berkemampuan untuk menjadi salah satu cara mencegah penularan pandemic Covid-19. Justeru, fatwa yang berciri demikian akan membantu pihak berkuasa dalam menguatkuasakan peraturan yang berkuatkuasa bagi mengekang pandemik Covid-19 kerana ada dalam kalangan individu muslim akan mematuhi fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti.

Tambahan pula, fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti akan mengikat dan meleraikan khilaf dalam masyarakat bersesuaian dengan kaedah:

حكم الحاكم يرفع الخلاف

Maksudnya, “*Pandangan pemerintah akan mengangkat khilaf*”.<sup>3</sup>

Keselarian dan kesatuan pendapat antara saranan pihak yang berkepakaran dalam pengawalan penyakit berjangkit, pihak berkuasa dan badan fatwa merupakan kekuatan yang dapat mencegah atau mengekang penularan wabak Covid-19. Tentu sekali, kecelaruan dan keserabutan akan timbul jika sekiranya terdapat fatwa yang berbeza dengan saranan pihak yang berkepakaran dalam pengawalan pandemik

---

<sup>3</sup> Walaubagaimanapun kaedah ini tidak boleh difahami secara umum bahkan terdapat perinciannya seperti ia perlu melengkapinya tiga syarat terlebih dahulu iaitu khilaf yang muktabar, pemilihan pandangan berdasarkan maslahat umum dan berkaitan dengan bidangkuasa pemerintah.

Dari sudut pandang yang lain, sekurang-kurangnya dengan terzahirnya fatwa yang selari ini, polemik dan pandangan agama yang bertentangan dengan dasar dan polisi pemerintah ke arah menghapuskan pandemik Covid-19 dapat dielakkan.

## RUJUKAN

- Abdul Manan Ismail & Mek Wok Mahmud. 2017. *Dawabit al-Fatwa Fi Majlis al-Ifta' al-Watani al-Malizi*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Abu Dawud Sulayman ibn al-Ash'as ibn Ishaq ibn Bashir al-Sijistani. T.th. *Sunan Abi Daud*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Bukhari Muhammad ibn Ismail. 1422H. *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulillah (SAW) wa sunanihi wa ayyamihi ( Sahih al-Bukhari)*. Cetakan Pertama. T.Tp: Dar Tauq al-Najat.
- Al-Darimi, Abdullah ibn Abdul Rahman Abu Muhammad. 1407H. *Sunan al-Darimi*. Beirut: Dar al-Kitab al-'arabi.
- Falih ibn Muhammad al-Saghir. T.th. *al-Yusr wa al-samahah fi al-Islam*. Wizarat al-awqaf al-Sa'udiyyah.
- Al-Raisuni, Ahmad. 1992. *Nazariyyat al-Maqasid 'inda al-imam al-Syatibi*. Al-Dar al-'Alamiyyah li al-kitab al-Islami. Riyadh. m/s 7.
- Al-Suyuti, Mustafa ibn sa'ad ibn Abduh al-Dimashqi al-Hanbali. 1994. *Matalib Uli al-Nuha fi Sharh Ghayat al-Muntaha*. Cetakan Kedua. T.tp: al-Maktab al-Islami.
- Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa. 1997. Al-Muwafaqat. Dar Ibn Affan.
- Mohd Khalid Mansor. 2007. *al-ta'ajjul fi al-fatwa*. Dalam *Al-majallat al-urduniyyah fi al-dirasat al-Islamiyyah*.
- [http://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Garis%20Panduan/COVID19/Annex\\_26\\_COVID\\_guide\\_for\\_Social\\_Distancing\\_24032020.pdf](http://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Garis%20Panduan/COVID19/Annex_26_COVID_guide_for_Social_Distancing_24032020.pdf). Akses pada 18 April 2020.
- <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/prevent-getting-sick/social-distancing.html>. Akses pada 19 April 2020.
- <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/advice-for-public>. Akses pada 18 April 2020.
- <https://ajel.sa/tX4gwQ/>. Akses pada 19 April 2020.

<https://www.youtube.com/watch?v=sTJXZ4X1uqk>. Akses pada 19 April 2020.

<https://www.alwatanvoice.com/arabic/news/2020/03/12/1321594.html>. Akses pada 19 April 2020.

<http://www.islam.gov.my/media-jakim/kenyataan-media/2373-kenyataan-media-menteri-di-jabatan-perdana-menteri-hal-ehwal-agama-berkaitan-penangguhan-semua-aktiviti-keagamaan-di-masjid-dan-surau-serta-panduan-pengurusan-jenazah-mangsa-covid-19>. Akses pada 19 April 2020.